

# Ladang 'setinggalan' warga asing

RUMAH  
warga asing  
di Kampung  
Bukit Damar  
Sepang.

SAMADI AHMAD | BERITA HARIAN

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bharian.com.my

**S**EPANG: Lebih 1,000 penduduk Kampung Bukit Damar dan Orang Asli Bukit Baja dekat sini bimbang dengan kebanyakan warga asing yang semakin ramai tinggal di kampung itu sejak tujuh tahun lalu.

Jumlah mereka yang semakin bertambah secara mendadak hampir mencecah lebih 2,000 orang itu menyebabkan penduduk tempatan terdedah terhadap risiko jenayah yang dilakukan oleh mereka.

Warga asing itu daripada Indonesia, Nepal, Bangladesh, Vietnam, India dan China yang kebanyakan mereka bekerja sebagai pencuci ba-

ngunan dan buruh di tapak pembinaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya dan Putrajaya.

Difahamkan, penempatan warga asing itu disewakan oleh pemilik ladang berkenaan kepada individu tertentu sejak tujuh tahun lalu berdasarkan lokasinya yang tersorok dan terlindung daripada pandangan luar.

Lebih membimbangkan, kebanyakan warga asing itu menimbulkan rasa kurang selesa dari segi ketenteraman dan kedamaian selain sering dikaitkan dengan pe-

ningkatan kes jenayah seperti tamun, judi dan mengotorkan kawasan kampung.

Tinjauan *Sentral* mendapati warga asing itu tinggal dalam kontena dan rumah kongsi yang dibina pihak terabit yang dilengkapi bekalan air dan elektrik.

Lebih membimbangkan, kawasan ladang kelapa sawit itu kini menjadi 'setinggalan' warga asing apabila mereka membina pondok kecil dan membuang sampah merata tempat berhampiran tempat tinggal mereka.

Penduduk, Atoi Mohd, 26, berkata kedatangan warga

asing beberapa tahun lalu di kampungnya makin menjadi-jadi kebelakangan ini.

Atoi berkata, apa yang dikesalkan ialah kebanyakan mereka seolah-olah ingin terus bermastautin di kampung itu dan bilangan mereka semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Pekerja kontrak, Khairul Zamri, 30, pula memberitahu, beliau rimas dengan segelintir warga asing yang sering mengotorkan kawasan kampung itu dengan membuang sampah sesuka hati.

Khairul berkata, penduduk tempatan juga bimbang

“Mereka seolah-olah ingin terus bermastautin di kampung kami dan bilangan mereka semakin bertambah dari semasa ke semasa”

**Atoi Mohd**  
Penduduk

“Hampir 80 peratus penduduk kampung adalah warga asing, manakala bakinya Orang Asli”

**Zainal Mat Ali**  
Peniaga

“Mereka mengotorkan kawasan kampung dengan membuang sampah sesuka hati”

**Khairul Zamri**  
Pekerja kontrak

mengenai tahap keselamatan mereka berikutan ada beberapa kes samun yang kerap berlaku kepada pemandu kereta dan penunggang motosikal yang melalui jalan kampung itu pada waktu malam.

Kegelisahan berhubung isu warga asing itu turut disuarakan oleh peniaga, Zainal Mat Ali, 54, yang menyifatkan penduduk setempat kini ibarat menumpang di tanah sendiri.

“Hampir 80 peratus penduduk di kampung itu adalah warga asing, manakala bakinya Orang Asli.

“Keadaan itu mencemarkan nama baik kampung tetapi dan menggugat keselamatan penduduk dan kami tidak berani menegur kerana mereka ramai,” katanya.

## Penduduk Kampung Bukit Damar, Bukit Baja bimbang terdedah risiko jenayah